

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Khamis, 6 April 2017 3:10 ptg
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Zahril Anwar Bin Malek Abdol Hamid
Subject: INASIS SME BANK ONLINE: PROGRAM "HALAL SLAUGHTERING AND REWANG"



6 APRIL 2017, KHAMIS | 9 REJAB 1438H



INASIS SME BANK ONLINE: Seramai 53 orang peserta menyertai program *Halal Slaughtering And Rewang* yang diadakan di blok A Inapan Siswa SME Bank anjuran Biro Kerohanian dan Sahsiah, Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS), INASIS SME Bank pada 21 Mac yang lalu.

Penerangan mengenai penyembelihan ayam mengikut syariat Islam serta pendedahan cara penyembelihan ayam yang betul telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Muhd Kamal Ariffin Bin Abd.Hamid daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JAIK) dan Dr. Siti Nurkhadijah Md Yunos daripada Jabatan Veterinar Kedah.

Peserta turut didedahkan dengan melakukan penyembelihan yang dipantau oleh wakil daripada JAIK di samping peserta lain bekerjasama dalam penyediaan persiapan untuk rewang.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mengenai kaedah penyembelihan ayam mengikut syariat Islam.

Menurut pengarah program, Shah Fathin Syahirah bt Kamil, program sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar melalui kerjasama dan gotong-royong selain memupuk semangat saling tolong-menolong dalam diri pelajar dalam melakukan sesuatu kerja.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

